

Improve Identification of Uppercase of The Child's with Learning Disabilities Dyslexia by Using Stimulus Theatre Mustika Voka

Normah Binti Dirak

SK LKTP Chemplak, Jalan Bahagia, Felda Chemplak, 85300 Labis, Johor

E-mail: normahdirak@gmail.com

Abstract: This study aims to help students with dyslexia understand the use of alphabets to solve teaching problems and specialization of uppercase through the VOKA Mustika Theater Stimulus Method. A total of 7 remedial students at risk of learning dyslexia were selected as respondents in this study based on a diagnostic test conducted on 20 pupils (Year 2) who are currently undergoing special remedial program at Subang Royal Malaysian Air Force Primary School. The study instrument consisted of structured observations using the Diagnostic Test Analysis Record Form and the Reading and Writing Mastery Instrument (IPP2M). Review of the problem shows that students with dyslexia have difficulty remembering and identifying the alphabet, especially uppercase letters. Pupils with dyslexia also find it difficult to remember the alphabet sounds that teachers hear. As a result students cannot write all capital letters correctly. To address this problem, the VOKA Mustika Theater Stimulus Method was modified based on a student's learning style including student-centered audio, visual, kinesthetic, touch, individual and group learning styles. The results show that the techniques used can improve students' level of understanding of alphabet comprehension effectively.

Keywords: Alphabets, Stimulus, theatre, Dyslexia, VOKA

PENDAHULUAN

Program Pemulihan khas merupakan salah satu usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menangani masalah penguasaan literasi dan numerasi dalam kalangan murid sekolah rendah. Program ini dilaksanakan bersama sorang guru pemulihan khas yang diberi tanggungjawab dan amanah untuk membantu murid-murid lambat dan bermasalah pembelajaran untuk menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Jabatan Pendidikan Khas (2003) di dalam Buku Panduan Program Pemulihan khas menyatakan bahawa peranan guru pemulihan sangat penting untuk mengenalpasti tahap kesukaran murid-murid lambat dalam penguasaan 3M dan seterusnya membina satu kaedah dan strategi pengajaran yang berkesan untuk memulihkan murid-murid tersebut. Tahap kesukaran murid yang berada di dalam kelas Pemulihan Khas berkait rapat dengan masalah pembelajaran disleksia yang melibatkan kesukaran pengecaman abjad dan perkataan. Memandangkan kesukaran kanak-kanak disleksia adalah disebabkan oleh kelemahan fungsi neuron pada bahagian tertentu dalam otak, maka mereka mempunyai ciri-ciri yang unik dan rata-rata mereka akan lemah dalam menguasai kemahiran literasi (Husniza Husni, 2018:5). Justeru, pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan strategi berpusatkan murid dan bahan amat penting untuk menggarap potensi dan kebolehan kanak-kanak disleksia dalam kemahiran membaca dan menulis. Untuk itu, murid disleksia

Latar Belakang Kajian

Lebih daripada 80,000 orang murid sekolah rendah (Bahagian Sekolah, 1993) di Malaysia mengalami masalah membaca, menulis dan mengira. Murid-murid ini mempunyai potensi untuk belajar dan mendapat

manfaat dari sistem pendidikan tetapi potensi tersebut tidak dapat dikembangkan sekiranya pihak guru tidak mengenalpasti masalah mereka dari awal lagi. Disamping itu, murid bermasalah pembelajaran disleksia di dalam kelas pemulihan semakin bertambah saban tahun. Sehubungan itu, pemilihan amalan terbaik dalam pengajaran dan pemudahcaraan memainkan peranan yang amat penting dalam membantu kanak-kanak disleksia belajar menguasai kemahiran literasi terutamanya pengecaman bentuk atau lambang sesuatu huruf. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan pendekatan koperatif, tematik, komunikatif dan konstruktivisme dalam kaedah natural prinsip audio-visual pandang dengar dan pandang sebut dengan gabungan teknik simulasi, main peranan, sumbang saran, soal jawab, dan bercerita mampu merangsang kesediaan belajar murid disleksia dalam aktiviti membaca dan menulis. Ini kerana menurut Sofiah (2000), disleksia bukanlah satu kecacatan dan tiada kaitan dengan tahap kecerdasan atau IQ seseorang. Dengan kata lain, murid disleksia mempunyai tahap kecerdasan setanding rakan sebaya atau mungkin lebih daripada murid normal, hanya mereka mengalami kesukaran dalam penguasaan literasi terutamanya dalam daya pengecaman abjad. Justeru, penggunaan Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA ini secara rasionalnya berkait rapat dengan kepelbagaian gaya pembelajaran murid dan tahap keupayaan setiap murid. Penggunaan teater ini diubahsuai berdasarkan gaya belajar seseorang murid merangkumi gaya belajar audio, visual, kinestetik, sentuhan, individu dan kumpulan yang berpusatkan murid dan bahan. Teknik-teknik yang digunakan boleh membantu meningkatkan tahap penguasaan murid disleksia terhadap kefahaman abjad dengan berkesan.

Pernyataan Masalah

Murid disleksia mengalami kesukaran mengingat dan mengenalpasti abjad terutama huruf besar. Murid disleksia juga sukar mengingat bunyi-bunyi abjad yang diperdengarkan kepada mereka. Akibatnya murid tidak boleh menulis semua huruf besar dengan betul. Murid juga menulis huruf besar bercampur dengan huruf kecil serta menulis huruf besar secara terbalik. Murid melakukan banyak kesalahan semasa menulis urutan huruf dari A hingga Z. Murid juga tidak konsisten dalam menulis huruf dari segi penulisan saiz huruf. Murid mempunyai konsep di mana huruf besar ditulis dengan saiz yang besar sedangkan murid sedang menulis lambang huruf kecil. Masalah pembelajaran spesifik ini diakibatkan oleh beberapa faktor yang telah dikenalpasti seperti kelemahan pemprosesan audio, kelemahan pemprosesan visual ataupun gabungan kelemahan antara kedua-duanya yang menyebabkan kelemahan pemprosesan fonologi (Husniza Husni, 2018:2). Sewaktu membaca, murid normal akan menggunakan penglihatan, persepsi pengecaman, pemahaman dan reaksi. Namun, murid disleksia menghadapi kesukaran untuk membuat diskriminasi terhadap huruf, suku kata dan perkataan. Justeru, teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sangat penting untuk mencungkil kebolehan kanak-kanak disleksia.

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat penggunaan Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat membantu meningkatkan kefahaman murid disleksia terhadap pengecaman abjad untuk menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam kefahaman penggunaan huruf besar. Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA ini juga dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan pelbagai kaedah dan teknik semasa amalan pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan di samping melihat kesesuaian kaedah ini dalam pembelajaran abad ke 21. Kefahaman penggunaan huruf besar dan kecil boleh membantu kanak-kanak disleksia untuk mengenalpasti bentuk dan lambang sesuatu huruf atau abjad serta memudahkan aktiviti bacaan dan tulisan (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2017:67). Justeru, setelah kajian ini dilaksanakan semua responden kajian akan dapat mencapai objektif seperti berikut:

1. Meningkatkan daya visual memori pengecaman huruf besar.
2. Meningkatkan daya audio memori pengecaman bunyi huruf besar.
3. Meningkatkan kebolehan murid menulis semula huruf besar dengan betul.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian di atas, pengkaji telah membina persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat meningkatkan daya pengecaman huruf besar murid disleksia?.
2. Adakah strategi pengajaran dan pemudahcaraan berpusatkan murid dan bahan yang diaplikasi dalam Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat memperbetulkan masalah pembelajaran huruf murid disleksia?.

3. Adakah Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat meningkatkan kebolehan murid disleksia menulis huruf besar dengan betul?

Tinjauan Literatur

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa kajian, teori dan penulisan ilmiah berkaitan dengan masalah pembelajaran disleksia. Husniza Husni, Zulikha Jamaludin (2018) di dalam buku Masalah Pembacaan Kanak-kanak Disleksia menyatakan perkataan disleksia merupakan gabungan daripada perkataan Yunani iaitu "dys" dan "Lexia" pertuturan. Apabila digabungkan disleksia bermaksud kesusahan dan kesukaran dalam berbahasa. Husniza Husni, Zulikha Jamaludin (2018) di dalam buku Masalah Pembacaan Kanak-kanak Disleksia menyatakan bahawa kanak-kanak yang menghadapi disleksia bukan sahaja menghadapi masalah pembacaan, tetapi juga dalam pengejaan, penulisan serta beberapa aspek yang lain. Beliau menegaskan bahawa kaedah pengajaran yang berkesan memainkan peranan yang penting bagi membantu kanak-kanak disleksia menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan lebih baik.

Dapatan kajian pakar perubatan (Zabidi, 2000) menegaskan bahawa kanak-kanak disleksia didapati aktif dari segi fizikal. Menurut beliau, masalah kanak-kanak disleksia boleh diminimumkan melalui satu sistem pendidikan yang bersistematik yang memberi fokus terhadap bahagian kelemahan kanak-kanak disleksia tersebut. Manakala Sofiah (2000) menyatakan bahawa disleksia tiada kaitan dengan tahap kecerdasan atau IQ seseorang dan bukan satu kecacatan.

Hjh.Noorhayati binti Hashim (drnoorhayati@usim.edu.my) Universiti Sains Islam Malaysia pernah menjalankan kajian kes bagi membantu murid disleksia belajar membaca. Fokus kajian tindakan beliau adalah mengenal pasti bentuk bahan bantu belajar membaca yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan kanak-kanak disleksia. Beliau mensasarkan seorang murid disleksia yang telah dikealpasti mempunyai masalah disleksia dalam membaca. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa bahan bantu berstruktur dapat membantu murid disleksia menunutkan perhatian serta dapat menarik minat mereka dalam aktiviti membaca.

Sementara itu, (Aslinda binti ramli di dalam tugas 2, kumpulan upsi 02, 12 april 2014) telah menjalankan kajian terhadap seorang murid lelaki berusia 6 tahun yang menghadapi masalah pembelajaran disleksia di Sekolah Kebangsaan Teluk Ru. Berdasarkan temubual guru mata pelajaran dan ujian diagnostik yang dijalankan didapati kanak-kanak ini menghadapi masalah disleksia sehingga menjejaskan tahap penguasaannya dalam literasi dan juga numerasi. Beliau menjalankan kajian ini untuk mengenalpasti punca masalah disleksia yang dialami oleh responden seterusnya membina satu program intervensi untuk membantu responden menangani masalah disleksia tersebut.

J.P Gupta (1993) telah menjalankan penyelidikan tentang disleksia di dalam keadaan normal atau secara klinikal di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kelantan. Beliau mencadangkan bahawa beberapa langkah konkrit perlu dijalankan di dalam sistem Pendidikan bagi mengatasi masalah pembelajaran disleksia. Hasil kajian menunjukkan prestasi kanak-kanak disleksia di dalam kemahiran membaca dan menulis adalah buruk walaupun mencapai prestasi 70% dalam kemahiran automatic, kemahiran yang diaudit dan kemahiran grafik.

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati semua pengkaji menegaskan bahawa kanak-kanak disleksia mempunyai potensi untuk cemerlang jika diberikan bimbingan dengan kaedah dan strategi pendidikan yang sesuai dengan masalah yang mereka hadapi. Sehubungan dengan itu, pengkaji membuat kajian ini berdasarkan kesukaran yang lebih terperinci yang belum disentuh oleh mana-mana pengkaji yang lepas. Justeru, pengkaji memfokuskan kajian untuk meningkatkan kefahaman penggunaan huruf besar yang menjadi kesukaran responden dalam kajian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan dengan pendekatan kuantitatif yang menggunakan teknik Ujian Diagnostik Literasi dan Ujian Instrument Penentuan Penguasaan Menulis Dan Membaca (IPP2M) untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Jabatan Pendidikan khas (2003), menyatakan bahawa Ujian diagnostik dibentuk untuk membantu guru pemulihan khas mengesan daerah-daerah kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh setiap murid dalam kemahiran membaca dan menulis. Pengkaji menggunakan Borang Rekod Ujian Diagnostik untuk menganalisa dalam mengatasi kesilapan menulis huruf besar murid-murid disleksia. Dalam kajian ini pengkaji telah membuat penyelidikan dalam mengatasi kesilapan menulis huruf B, Q, J, P, dan T dalam kalangan 7 responden murid pemulihan Khas. Berdasarkan kepada beberapa jenis model kajian tindakan yang dikenalpasti, pengkaji telah memilih Model Kemmis dan Mc Taggart (1988) sebagai panduan. Model ini mengandungi lima peringkat iaitu Fokus kajian, Perancangan, Pelaksanaan, Pengumpulan data dan Refleksi.



Rajah 1 : Prosedur Kajian Tindakan berasaskan Model Kemmis dan Mc Taggart.

Kumpulan Sasaran

Kajian ini dijalankan dalam kalangan murid Pemulihan Khas di Sekolah Kebangsaan TUDM Subang. Kajian ini melibatkan 7 orang murid pemulihan yang berisiko bermasalah pembelajaran disleksia daripada seramai 20 orang murid Tahun 2 yang sedang mengikuti Progam Pemulihan Khas. Umur responden adalah dalam lingkungan 8 tahun. Namun begitu tidak semua peserta kajian mengalami masalah menulis huruf secara terbalik. Berikut merupakan kumpulan sasaran pengkaji.

Jadual 1 : Kumpulan sasaran intervensi

Kumpulan Sasaran	Umur Purata	Kelas	Huruf Terlibat
Murid 1 (M1)	8	2 Nuri	D,Q,J,T,Q
Murid 2 (M2)	8	2 Nuri	P, J, Q, T,
Murid 3 (M3)	8	2 Atlas	B,Q
Murid 4 (M4)	8	2 Sukhoi	Q,J,P,T,
Murid 5 (M5)	8	2 Sukhoi	B,Q,J,T,
Murid 6 (M6)	8	2 Agusta	D,Q,J,P,T
Murid 7 (M7)	8	2 Falcon	,T,J

Intervensi Yang Dijalankan

Langkah 1 (Menenalpasti masalah)

Dalam menenalpasti isu kajian ini, pengkaji telah membuat Ujian Diagnostik Literasi kemahiran mengenal huruf besar. Melalui hasil Ujian Diagnostik yang dijalankan terhadap responden yang melibatkan huruf besar A hingga Z didapati beberapa orang murid telah dikenalpasti mempunyai corak kesilapan yang lebih kurang sama. Pengkaji mendapati bahawa semua responden yang terlibat dalam kajian ini mengalami kesukaran mendiskriminasi bentuk atau lambang huruf B, Q, J, P, dan T. Pengkaji telah membuat analisa terhadap jawapan responden yang dijadikan sebagai data ujian pra. Pengkaji menyediakan Borang Rekod Ujian Diagnostik terhadap penggunaan huruf besar dalam set soalan Ujian Diagnostik. Kesalahan responden

akan ditanda dalam borang rekod ujian dan disemak berdasarkan pemerhatian terhadap responden dalam kelompok kajian.

Langkah 2 (Analisa masalah)

Pengkaji menggunakan set soalan Ujian Diagnostik Literasi untuk menguji kebolehan murid mengenal, menamakan serta menulis huruf-huruf yang disebut oleh guru. Proses seterusnya adalah mengumpul maklumat dan membuat analisa kekuatan dan kelemahan murid. Aspek ini dapat dikenalpasti melalui Borang Rekod Ujian Diagnostik berdasarkan pemerhatian terhadap murid semasa mereka menjawab soalan. Pengkaji telah mengumpul data-data ini bermula pada awal kajian dilaksanakan. Dapatan yang diperoleh dianalisis dengan lebih terperinci agar keputusan yang diperoleh dapat menentukan hasil kajian ini.

Langkah 3 (Pelaksanaan Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA)

Kajian ini memperlihatkan pembelajaran dan pemudahcaraan menggunakan Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA (Vokal dan Konsonan) yang diadaptasi daripada elemen wayang kulit. Pendekatan paling efektif untuk mengajar anak bermasalah pembelajaran dengan mengetahui sama ada mereka tergolong dalam kategori visual, auditori ataupun kinestetik Ainizal Abdul Latif (2015):80. Murid akan mempersembahkan pupet huruf di layar kotak teater. Murid akan melalui proses menangkap bentuk huruf menggunakan blok huruf, dan menggantung bentuk huruf untuk dijadikan pupet teater. Seterusnya murid akan mempersembahkan pupet huruf masing-masing di layar teater. Murid lain akan menjadi penonton dan meneka bentuk huruf yang tertera di layar teater. Murid yang menjadi tukang karut akan bertanya kepada murid lain tentang bentuk huruf yang kelihatan di layar teater. Seterusnya murid tukang karut akan bersoal jawab tentang objek yang sesuai dengan huruf awalan abjad berkenaan. Proses ini diulang pada murid yang lain sehingga semua selesai mempersembahkan huruf masing-masing. Murid akan diberi bintang sebagai mata ganjaran penebusan hadiah jika dapat menyebut abjad dengan tepat. Kaedah ini telah mewujudkan keseronokan, kegembiraan dan minat murid untuk mengikuti pembelajaran seterusnya. Impaknya, tahap penguasaan murid terhadap abjad meningkat dengan baik seterusnya dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran asas membaca dan menulis murid-murid disleksia.

Langkah 4 (pengumpulan Data)

Pengumpulan data adalah sangat penting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Pengkaji menggunakan Instrument Penentuan Penguasaan Membaca Dan Menulis (IPP2M) sebagai ujian pos bagi melihat keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan kaedah Stimulus Teater Mustka VOKA yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 4 bulan. Ujian pos adalah sama dengan ujian pra iaitu melibatkan huruf besar dalam kajian. Pengkaji menyediakan Borang Rekod IPP2M bagi menganalisis tahap penguasaan responden terhadap huruf besar.

Langkah 5 (Refleksi tindakan)

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati unsur-unsur keseronokan diwujudkan melalui pembelajaran yang santai, menghibur, dan kegembiraan yang menjadi motivasi kepada responden untuk terus belajar. Persekitaran pembelajaran yang disediakan meliputi persembahan, penggunaan pupet teater mendorong sifat ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan dan pengiktirafan. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang terpaksa dihadapi antaranya kesediaan belajar responden dalam kelompok kajian tidak sama antara satu sama lain. Suasana pembelajaran menjadi tidak kondusif apabila murid disleksia yang mempunyai ciri-ciri hiperaktif tidak memberikan kerjasama dalam main peranan. Mereka terlalu teruja untuk mempersembahkan pupet hingga menghalang giliran responden lain. Terdapat responden pasif yang tidak mahu membuka mulut untuk menyebut huruf yang dipaparkan menyukarkan proses kajian. Pengkaji perlu memberi bimbingan dan rangsangan kepada responden berkenaan agar aktif semasa simulasi dijalankan. Pengkaji perlu memberi penerangan secara terperinci kepada responden supaya keadaan menjadi lebih tenang dan aktiviti dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pentaksiran melalui pemerhatian berstruktur iaitu menggunakan Borang Rekod Ujian berdasarkan Ujian Diagnostik Literasi sebagai ujian pra dan Instrument Penentuan Penguasaan Membaca Dan Menulis (IPP2M) sebagai ujian pos. Hasil ujian dianalisis berdasarkan Borang Rekod IPP2M terhadap murid setelah mereka menjawab soalan ujian yang diberikan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisa Data

Keputusan Ujian Pra

Pengkaji telah menjalankan ujian pra ke atas 7 responden yang terpilih dalam kajian ini melalui Ujian Diagnostik Literasi. Pentaksiran ini dilaksanakan sebelum pengkaji menggunakan kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Setiap responden diberikan satu set soalan pengecaman huruf besar. Set soalan ini memerlukan responden menulis huruf-huruf besar yang disebut oleh pengkaji. Penyemakan keputusan ujian dikenalpasti melalui Borang Rekod Ujian Diagnostik Literasi. Bagi memudahkan penyemakan ujian pra dan ujian pos, pengkaji telah menyediakan jadual senarai semak kefahaman penggunaan huruf besar seperti jadual dibawah.

Jadual 2: Senarai semak Penggunaan huruf besar B, Q, J, P, dan T sebelum kajian.

Murid	Huruf B	Huruf Q	Huruf J	Huruf P	Huruf T
M1	D terbalik	q	J terbalik	p	t
M2	B	p	j	q	t
M3	P	Q	J	P	T
M4	B	q	J terbalik	q	t
M5	D	q	j	p	f
M6	D terbalik	P	J terbalik	P terbalik	t
M7	B	Q	g	P	t

Berdasarkan jadual senarai semak yang ditunjukkan di atas didapati kesemua responden kajian mengalami masalah pengecaman antara bentuk-bentuk huruf besar dan huruf kecil. Daripada hasil analisa ujian pra didapati tiga orang responden mengalami masalah pembalikan huruf yang melibatkan huruf B, J dan P di mana responden keenam mempunyai masalah pembalikan huruf paling ketara. Justeru, responden ini dikenalpasti memerlukan bimbingan yang lebih semasa pengajaran dan pemudahcaraan menggunakan Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA. Manakala semua responden dikenalpasti mempunyai kekeliruan terhadap penggunaan bentuk huruf besar yang betul. Kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah menulis huruf besar dalam bentuk huruf kecil iaitu, “q”, “j”, “p”, dan “t”. Selain itu, seorang responden telah melakukan kesalahan menulis bentuk huruf besar T sebagai huruf kecil “f”. Responden kedua dan keempat melakukan kesalahan terhadap huruf besar P yang ditulis sebagai “q”. Kesemua responden didapati sukar mengingat bentuk atau lambang huruf-huruf besar yang diperdengarkan oleh guru semasa ujian diagnostik dijalankan. Walau bagaimanapun, kesemua responden dapat menulis huruf dengan tulisan yang mudah difahami berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa ujian pra dijalankan.

Analisa Ujian Pos

Pengkaji telah menjalankan ujian pos pada akhir sesi pengajaran dan pemudahcaraan setelah menggunakan kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA. Responden dikehendaki menjawab set kemahiran satu dalam IPP2M iaitu menulis huruf besar yang disebut oleh guru tanpa sebarang bimbingan. Tujuan soalan ini ditekankan adalah untuk mengetahui kebolehan responden mengenal dan memahami semua bentuk huruf besar daripada A hingga Z. Namun, pengkaji memberi fokus kepada huruf besar yang terlibat dalam kajian iaitu B, Q, J, P, dan T

Jadual 3: Senarai semak Penggunaan huruf besar B, Q, J, P, dan T selepas kajian.

Murid	Huruf B	Huruf Q	Huruf J	Huruf P	Huruf T
M1	B	Q	J	P	T
M2	B	Q	J	P	T
M3	B	Q	J	p	T
M4	B	Q	J	p	T
M5	B	Q	J	P	t
M6	B	Q	J	P	T
M7	B	Q	j	P	T

Berdasarkan jadual senarai semak penggunaan huruf besar di atas, pengkaji akan merumuskan dan membincangkan dapatan-dapatan daripada kajian tentang kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dalam membantu responden menguasai kemahiran pengecaman abjad. Perbincangan tentang dapatan kajian dilakukan berdasarkan analisa instrument pentaksiran menggunakan Borang Rekod Instrumen Penentuan Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M). Pengkaji akan menganalisa data daripada IPP2M untuk melihat sama ada kajian ini telah menjawab persolaan-persoalan kajian yang telah dikemukakan. Perbincangan dapatan kajian ini selaras dengan soalan kajian yang pertama iaitu “Adakah Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat meningkatkan daya pengecaman huruf besar murid disleksia?”.

Dapatan analisa daripada Borang Rekod Instrumen Penentuan Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M) yang dijalankan ke atas tujuh responden yang melibatkan murid pemulihan khas yang terpilih berisiko bermasalah pembelajaran disleksia menunjukkan bahawa daya pengecaman huruf besar telah meningkat dengan baik. Berdasarkan analisa IPP2M yang dijalankan didapati daya pengecaman lambang abjad bagi semua responden dalam kajian menunjukkan perubahan yang sangat ketara. Empat daripada tujuh responden berupaya mengecam huruf B dan Q dengan betul tanpa bertukar dengan huruf kecil. Responden satu, dua dan enam telah berjaya mengecam kesemua huruf dengan betul tanpa sebarang kesilapan. Penggunaan kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA menunjukkan impak yang positif dalam membantu responden meningkatkan daya ingatan dalam mengecam lambang atau bentuk huruf besar B, Q, J, P, dan T. Peningkatan kefahaman dalam penggunaan huruf besar dalam kalangan responden kajian memperlihatkan penggunaan kaedah stimulus Teater Mustika VOKA mampu meningkatkan daya visual memori pengecaman huruf besar melalui proses menangkap bentuk huruf menggunakan blok huruf, dan menggunting bentuk huruf untuk dijadikan pupet teater. Namun begitu, empat responden masih lagi sukar mengecam semua bentuk-bentuk huruf disebabkan daya pengamatan visual yang lemah. Justeru, kaedah ini perlu dilanjutkan tempoh penggunaannya bagi responden yang masih lemah dalam pengecaman abjad kerana kaedah ini ternyata berupaya membantu murid disleksia meningkatkan daya pengecaman huruf besar dengan berkesan.

Perbincangan Seterusnya adalah melihat perubahan yang berlaku sebelum dan selepas intervensi kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA bagi tiga responden yang mengalami masalah pembalikan huruf. Perbincangan dapatan kajian ini selaras dengan soalan kajian yang kedua iaitu “Adakah strategi pengajaran dan pemudahcaraan berpusatkan murid dan bahan yang diaplikasi dalam Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat memperbetulkan pembalikan huruf murid disleksia?”.

Daripada jadual 3 di atas, pengkaji melihat wujudnya perubahan ketara dalam masalah pembalikan huruf bagi responden pertama, keempat dan keenam. Melalui ujian pos yang dijalankan, didapati berlakunya pembedaan bagi huruf yang terbalik di mana tiga responden ini sudah mampu menulis huruf B, J dan P dengan betul. Responden keenam yang mengalami masalah pembalikan tiga huruf iaitu B, J dan P telah menunjukkan perubahan dalam menulis huruf dengan tepat dan betul. Dapatan ini memperlihatkan pengurangan bagi masalah huruf terbalik dapat diatasi dengan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dan bahan. Hal ini kerana ketiga-tiga responden kajian telah melalui aktiviti membentuk huruf menggunakan blok dan menunjukkan puppet huruf yang betul di layar teater. Responden juga diberi bimbingan semasa mempersembahkan puppet huruf bagi membina imej huruf yang betul dalam ingatan responden. Impaknya, pengkaji mendapati kajian ini telah dapat mengurangkan masalah menulis huruf terbalik bagi tiga orang responden di atas. Justeru, penggunaan bahan dalam stimulus Teater Mustika VOKA ini meningkatkan kefahaman juga merangsang memori audio-visual bagi mengingat lambang-lambang huruf besar dalam kalangan murid disleksia yang berisiko mengalami masalah pembalikan huruf.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan hasil dapatan dari segi kemampuan responden menulis lambang-lambang huruf besar B, Q, J, P, T, dan G dengan betul. Perbincangan dapatan kajian ini selari dengan soalan kajian yang ketiga iaitu “Adakah Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat meningkatkan kebolehan murid disleksia menulis huruf besar dengan betul?”.

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati semua responden telah menulis huruf B dan Q dengan betul. Pengkaji mendapati daripada tujuh responden, hanya seorang responden sahaja yang masih keliru terhadap huruf besar iaitu huruf J. Kefahaman terhadap bentuk huruf besar P juga mengalami perubahan di mana responden kedua dan keempat telah menukar bentuk huruf besar P daripada “q” kepada “p”. Walaupun kedua-kedua responden ini masih keliru antara huruf besar dan kecil bagi huruf P namun perubahan di atas menjadi asas untuk mengecam bentuk huruf besar P yang sebenar. Sementara itu, pengkaji mendapati kebolehan dalam menulis huruf besar P dan G turut mengalami perubahan yang ketara di mana hanya responden kelima sahaja yang masih menulis menggunakan huruf kecil. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid disleksia masih memerlukan bimbingan berkaitan huruf besar secara berterusan.

Secara keseluruhannya, semua responden menunjukkan keputusan yang sangat memberangsangkan dalam kefahaman menulis huruf besar. Dapatan ini memperlihatkan semua responden telah mencapai tahap penguasaan yang baik dan meningkat selepas intervensi dilaksanakan melalui teknik didik hibur, main peranan dan soal jawab yang diaplikasikan dalam kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA. Melalui soal jawab bentuk huruf yang ditunjukkan di layar teater, responden telah melihat dan menyebut dengan betul bentuk huruf yang ditayangkan. Walaupun empat responden masih belum berupaya menulis semua lambang huruf besar dengan betul, namun selepas intervensi dijalankan menunjukkan perubahan yang sangat positif. Masalah daya pengamatan audio visual bagi empat responden menunjukkan bahawa pengkaji perlu melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan yang berterusan bagi memperbaiki kelemahan responden ini. Secara kesimpulannya, daripada analisis dapatan bagi ujian pra dan pos didapati perubahan yang ditunjukkan oleh semua responden membuktikan bahawa kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA dapat memberikan impak yang maksima untuk mengatasi masalah penulisan huruf besar yang dialami oleh responden kajian ini.

KESIMPULAN KAJIAN

Berdasarkan hasil pemerolehan data yang direkodkan didapati bahawa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji telah membantu murid-murid yang berisiko bermasalah pembelajaran disleksia mengurangkan masalah pengecaman huruf besar. Melalui masalah yang dihadapi, pengkaji telah menggunakan kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA yang merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyenangkan. Unsur-unsur kegembiraan yang wujud melalui pembelajaran yang menarik telah menjadi motivasi kepada murid untuk terus menumpukan perhatian. Teknik-teknik yang digunakan dapat meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap kefahaman abjad dengan berkesan. Pengajaran dan pemudahcaraan melalui Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA terbukti berkesan meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mengecam abjad disamping berjaya mewujudkan kesediaan belajar sama ada dari segi kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor. Kesimpulannya, setelah pengkaji menjalankan kajian tindakan ini telah berjaya mengurangkan kekerapan kesilapan murid dalam menulis huruf besar seterusnya memudahkan guru untuk meneruskan pengajaran pembentukan suku kata, perkataan dan ayat.

CADANGAN KAJIAN

Meskipun kajian tindakan ini berjaya meningkatkan daya pengecaman huruf besar dalam kalangan murid pemulihan khas, namun amalan terbaik pengajaran dan pemudahcaraan ini boleh dibuat penambahbaikan lagi agar penggunaannya lebih luas kepada masalah pembelajaran yang lain seperti murid lembam, diskalkulia, dan sebagainya. Kaedah Stimulus Teater Mustika VOKA ini boleh diberi penambahbaikan dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efisien serta fleksibel yang boleh digunakan oleh semua murid dengan pupet objek untuk teknik bercerita, main peranan dan sebagainya. Pengkaji mencadangkan agar kaedah ini diperluaskan untuk murid pra sekolah, Pendidikan khas serta subjek Pendidikan Islam bagi pengecaman huruf jawi. Pengkaji mencadangkan agar tempoh masa lanjutan diberikan kepada responden untuk melihat sama ada tempoh keberkesanan Kaedah Stimulus Teater ini dalam menangani masalah penulisan huruf besar dapat dikekalkan.

RUJUKAN

- Jabatan Pendidikan Khas (2003) Buku Panduan Program Pemulihan khas. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pelajaran Selangor (2003) Program Pemulihan Khas. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Husniza Husni, Zulikha Jamaludin (2018).Masalah Pembacaan Kanak-kanak Disleksia. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nur Azimah Mohd Bukhari, Nurul Haniza Samsudin (2017). Pembelajaran Bahasa Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (Lambat Belajar). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Zuri hani, Aznan Che Ahmad (2011). Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-kanak Bekerperluan Khas. MPH Distributor Sdn Bhd.
- Ainizal Abdul Latif (2015). Genius Dari Syurga.Grup Buku Karang kraf Sdn Bhd.